

08 FEB 2002
PBRs-Krisis/I
KRISIS PBRs DIJANGKA BERLARUTAN

KOTA KINABALU, 8 Feb (Bernama) -- Krisis kepimpinan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs) berikutan kewujudan dua "presiden" nampaknya akan berlarutan kerana kedua-dua puak terus menjalankan urusan parti secara berasingan.

Hingga kini, belum ternampak sebarang tanda kedua-dua pemimpin -- Datuk Dr Jeffrey Kitingan dan Tan Sri Joseph Kurup -- akan mengambil langkah ke arah perdamaian sekalipun satu kumpulan yang mendakwa berkecuali mencadangkan agar mereka berkompromi.

"Saya belum lagi berjumpa mereka (kumpulan berkecuali), jadi adalah terlalu awal bagi saya membuat sebarang ulasan mengenai cadangan mereka," Kurup memberitahu pemberita di sini hari ini.

Ditanya sama ada rundingan akan diadakan antara beliau dan Dr Jeffrey bagi menyelesaikan masalah yang timbul, Kurup, yang juga Menteri Pembangunan Sumber Asli dan Teknologi Maklumat Sabah berkata: "Sebenarnya tidak salah bagi kami untuk duduk dan berbincang."

Bagaimanapun, kedua-dua presiden ini tidak berhubung kerana kata Kurup, "kami berdua sibuk."

Bercakap pada satu sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi PBRs, Kurup berkata beliau telahpun mengemukakan semua dokumen yang diperlukan kepada pihak berkuasa yang berkenaan iaitu Pendaftar Pertubuhan dan pemimpin Barisan Nasional (BN).

"Perkara ini kini berada di tangan pihak berkuasa...buat masa ini, kita terpaksa menunggu keputusan pihak berkuasa dan mematuhi," katanya.

Ditanya sama ada pertikaian mengenai jawatan presiden parti itu boleh diselesaikan sebelum Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga pengerusi BN kembali daripada bercuti di luar negara, Kurup sekali lagi menegaskan bahawa perkara itu kini berada di tangan pihak berkuasa yang berkaitan.

Katanya, MT PBRs di bawah pimpinannya akan terus menjalankan tanggungjawab selaras dengan matlamat parti.

"Hidup perlu diteruskan" tanpa mengira apa yang berlaku kepada parti, katanya.

Ditanya sama ada ini merupakan cabaran paling besar yang pernah dialaminya sepanjang hampir 20 tahun terlibat dalam politik, Kurup berkata tiada apa yang luar biasa mengenai perkara ini.

"Ini perkara biasa dalam politik. Bagaimanapun kami akan cuba menanganinya secara berhemat untuk mencari keputusan yang baik bagi setiap orang," kata beliau.

Sementara itu, penyokong kedua-dua pemimpin berkenaan terus berbeza pendapat tentang sama ada parti itu perlu mengadakan semula kongresnya untuk membolehkan Kurup dan Dr Jeffrey bertanding sekali lagi bagi menentukan siapakah yang akan terpilih sebagai presiden.

Sungguhpun penyokong Kurup berpendapat langkah itu akan menimbulkan lebih banyak kekecohan, penyokong Dr Jeffrey pula ingin agar satu pertandingan diadakan bagi merungkai kebuntuan yang sedang dialami melalui proses demokrasi.

-- BERNAMA
JS SK SP MOZ